

Pelan kecemasan hadapi jerebu ketika Sukan SEA

BH. 3/8/2017, ms. 14

Kerajaan mempunyai pelan kecemasan bagi berhadapan dengan masalah jerebu menjelang temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2018 yang akan bermula 19 Ogos hingga 31 Ogos ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata orang ramai tidak perlu bimbang dengan masalah jerebu yang dijangka melanda bulan ini.

Beliau juga menegaskan kerajaan akan terus memantau kebakaran hutan di Indonesia dan bersetuju membantu memadamkan kebakaran di negara berkenaan.

Temui Menteri Indonesia

“Saya sendiri akan menemui Menteri Indonesia berkaitan bagi menyatakan kesediaan Malaysia membantu negara itu.

“Saya sudah minta Timbalan Ketua Setiausaha untuk ke sana supaya saya dapat bertemu menteri berkaitan bagi menyampaikan hasrat ini, saya akan cuba untuk bertemu sebelum Sukan SEA berlangsung,” katanya pada sidang media selepas menyertai Mesyuarat Sumber Air Negara (MSAN) Ke-12 di sini semalam.



Wan Junaidi berkata, beliau berpuashati dengan tindakan diambil Indonesia dalam menangani kebakaran hutan.

Titik panas berkurangan

Katanya, sehingga hari ini walaupun ada kebakaran di wilayah Aceh namun, belum ada tanda jerebu melanda negara ini.

“Saya juga menerima laporan harian mengenai titik panas di kawasan kebakaran di negara itu dan belum ada indikasi yang perlu dibimbangi berkenaan indeks pencemaran udara negara ini.

“Hari ini seperti laporan yang saya terima terdapat 27 kebakaran di Kalimantan, tetapi dengan aliran arah angin Barat Daya, jerebu boleh berlaku di Sarawak, tetapi dari laporan juga kita dapat titik panas semakin berkurangan menandakan pihak Indonesia berjaya mengawal kebakaran itu,” katanya.



Saya sudah minta Timbalan Ketua

Setiausaha untuk ke sana supaya saya dapat bertemu menteri berkaitan bagi menyampaikan hasrat ini, saya akan cuba untuk bertemu sebelum Sukan SEA berlangsung”

Wan Junaidi Tuanku Jaafar,
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar